

Minda Arkitek dalam Penggarapan Buku Tatabahasa Melayu



Dr Paitoon M. Chaiyanara

Profesor Madya, Institut Pendidikan Nasional

Tarikh: Rabu, 24 Oktober 2012
Masa: 10.45pg - 12.15tgh
Tempat: NIE3-03-39 (ALC Journal Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Salah satu perkembangan mutakhir dalam bidang linguistik telah meningkat ke tahap kesedaran kajian hubungan antara semantik dan sintaksis. Perkembangan sedemikian ini didorong oleh satu gagasan bahawa struktur tatabahasa pada dasarnya dibentuk khusus daripada patukan semantik. Secara empiris, dalam mengkaji tatabahasa, jika kita bermula dengan konsep-konsep asas dan bertolak dari pengertian (semantik) ke bentuknya (struktur), maka kita akan memperolehi kelebihan yang berlipat ganda selaras dengan perkembangan linguistik moden.

Dalam tahun 1940-an, dengan menggunakan pendekatan "*Penguncian Kaedah Rangkaian Kata*", Za'ba telahpun memperlihatkan hubungan antara semantik dalam pembinaan sesuatu ayat. Kata kerja yang diwujudkan dalam sesuatu ayat merupakan kunci ke atas kata nama atau kata nama-kata nama lain dalam rangkaian ayat. Chares Fillmore (1968), memberi tumpuan kepada konfigurasi kasus yang berkaitan dengan kepelbagaian fitur-fitur makna kata nama yang dipancarkan oleh kata kerja dalam sesuatu ayat.

Bagi persaingan serta pengemaskinian buku tatabahasa yang selama ini ditulis mengikut tradisi dari satu zaman ke satu zaman, yang mana kandungannya disampaikan berdasarkan hubungan sintagmatik dan paradigmatis sahaja, tanpa melihat distribusi dan makna unit tatabahasa yang selari dengan perkembangan linguistik dewasa ini, maka ceramah ini akan memperlihatkan kandungan yang perlu dimuatkan dalam buku tatabahasa yang dapat dianggap sebagai sebuah karya yang merentas zaman. Dengan perkataan lain, dua parameter dalam mereka-bentuk karya tatabahasa Melayu yang dapat membina hubungan sintaktiko-semantik antara gatra kata kunci dan kata yang dikunci berdasarkan minda arkitek, yang mempunyai (i) struktur, (ii) kategori, (iii) fungsi dan (iv) makna dalam menggarapkan hubungan antara gatra kata yang terbina sebagai modalitas serta proposisi dalam sistem komunikasi akan digunakan.

Biodata:

Dr Paitoon M. Chaiyanara berjawat sebagai Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Sebelum berkhidmat di Fakulti Sastera, Universiti Brunei Darussalam, sebagai pensyarah di samping salah seorang tenaga pengukuhan Jabatan Bahasa dan Linguistik (1985-1994), beliau pernah bertugas sebagai pegawai penyelidikan bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan dan Kesenian, Malaysia (1983); sebagai Penolong Profesor di Fakulti Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Prince of Songkla, Thailand (1984); dan sebagai pensyarah di Pusat Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (1985).



Anda dipersilakan hadir!



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi, Dr Mukhlis Abu Bakar (mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).